

01/02/1998

Cari maut di jalan raya

ALKISAHNYA, Rabu lalu, teman ternampak catatan korban jalan raya dalam tempoh tujuh hari, ketika jutaan penduduk bergerak pulang ke kampung menjelang perayaan berkembar. Jumlahnya 118. Jumlah nahas pula ialah 4,965.

Bagi teman, jumlah ini amat tinggi. Pegawai Penyelaras Ops Statik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, DSP Karim Abu dipetik sebagai berkata penunggang dan pembonceng motosikal mencatatkan jumlah kematian paling tinggi, iaitu 58 peratus.

Statistik itu juga menunjukkan kadar kematian dan kemalangan sepanjang tujuh hari operasi berjalan tahun ini meningkat berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Tahun lalu, 103 kematian dilaporkan daripada 4,200 kemalangan dalam tempoh tujuh hari itu.

Menurutnya, semua 90 kemalangan maut yang dilaporkan sejak 21 Januari lalu berlaku di jalan biasa. Selangor mencatat jumlah kemalangan paling tinggi diikuti Kuala Lumpur, Johor, Perak, Pulau Pinang, Sarawak, Negeri Sembilan, Kedah, Melaka, Kelantan, Sabah, Terengganu dan Perlis.

Teman tertarik juga pada Ops Statik yang dijalankan itu. Pada hemat teman, ia adalah operasi bagi mengawal lalulintas menjelang perayaan. Tapi apa sebenarnya yang statik? Jumlah kemalangan, korban atau polis? Kalau mahu dikira nahas, ia bertambah. Jadi ia tak statik. Korban juga bertambah. Itu pun tak statik. Jadi apa yang statik? Barangkali, polis trafik boleh huraikan hal itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Wira Mohamad Ali Rustam juga mungkin boleh jelaskan. Dalam lawatannya ke hospital semalam, beliau dapati kebanyakan mangsa kemalangan yang teruk adalah penunggang dan pembonceng motosikal serta pejalan kaki.

Katanya, beliau berharap pemandu kereta dan kenderaan yang lebih besar sentiasa bertimbang rasa terhadap kenderaan kecil seperti motosikal serta pejalan kaki kerana mereka adalah kumpulan yang lebih mudah mendapat bencana kerana kemalangan jalan raya.

Tapi, benarkah? Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sesetengah penunggang motosikal dan pemandu kereta bertindak seperti sengaja cari maut apabila berada di jalan raya.

Sambil menyamakan sikap mereka itu seperti orang yang hendak 'membunuh diri', Perdana Menteri berkata peningkatan kadar kematian setiap kali menjelang perayaan besar di negara ini berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab pengguna jalan raya sendiri.

"Apabila saya bawa kereta pun saya nampak motosikal datang, bawa yang secara nak bunuh diri. Jadi saya kadang-kadang berasa tak kesian langsung kepada mereka ini.

"Bukan salah jalan, bukan salah kenderaan tapi salah mereka. Mereka nak cari maut. Kita dah larang dah, kita dah pesan supaya berjaga-jaga tapi mereka macam gila nak bunuh diri," katanya.

Apa komen anda?

(END)